



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UNTUK RAKAMAN UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**FORUM MENGORAK KUASA KESAKSAMAAN GENDER:
MEMPERKASA SUARA WANITA DAN KANAK-KANAK
PEREMPUAN BAGI MEMBUKA PELUANG DUNIA TANPA
BATAS**

SEMPENA SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2023

15 OGOS 2023

**RUMAH KELAB PERSATUAN ALUMNI UNIVERSITI MALAYA
(PAUM)**

1. Salam sejahtera dan Selamat Pagi. Selamat datang ke Forum “**Mengorak Kuasa Kesaksamaan Gender: Memperkasa Suara Wanita Dan Kanak-Kanak Perempuan Bagi Membuka Peluang Dunia Tanpa Batas**” pada hari ini. Terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk merasmikan forum pada hari ini. Saya mohon maaf kerana tidak dapat hadir bersama anda semua kerana sedang menghadiri persidangan di luar negara.

Tema Hari Penduduk Sedunia 2023

2. Sambutan Hari Penduduk Sedunia disambut di serata dunia pada 11 Julai setiap tahun untuk membangkitkan kesedaran semua lapisan masyarakat tentang isu-isu kependudukan dunia.

Untuk makluman semua, pada tahun ini tema **'Mengorak Kuasa Kesaksamaan Gender: Memperkasa Suara Wanita Dan Kanak-Kanak Perempuan Bagi Membuka Peluang Dunia Tanpa Batas' (*Unleashing the Power of Gender Equality: Uplifting the Voices of Women and Girls to Unlock our World's Infinite Possibilities*)** telah dipilih sebagai tema sambutan Hari Penduduk Sedunia 2023.

3. Tema ini dipilih oleh UNFPA kerana pada ketika ini, walaupun wanita dan kanak-kanak perempuan membentuk hampir separuh (49.7%) daripada populasi dunia, isu kesaksamaan gender dan pemeraksaan wanita masih menjadi isu global. Di serata dunia, isu berat sebelah, stereotaip, diskriminasi serta sikap prejudis antara contoh ketidaksaksamaan gender masih wujud. Isu-isu ini menuntut kesedaran di setiap peringkat institusi agar hak, peluang, dan perlindungan diberikan kepada setiap individu tanpa mengira jantina atau peringkat umur.

**Puan-puan dan tuan-tuan, para hadirin yang saya kasihi
sekalian,**

4. Salah satu pencapaian penting adalah kesan pengenalan Program Perancang Keluarga Kebangsaan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 1960an, yang telah membantu meningkatkan kualiti hidup wanita di negara kita. Golongan wanita berupaya merancang kehamilan dalam memastikan kesihatan diri dan anak terjamin dan seterusnya melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi.

5. Malahan, negara juga telah berjaya dalam memperkasakan kanak-kanak dan remaja perempuan melalui peluang yang disediakan dalam bidang pendidikan dan ekonomi. Pengenalan dasar dan program bagi meningkatkan enrolmen kanak-kanak remaja perempuan di sekolah telah meningkatkan kadar celik huruf dan peratusan

mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

6. Namun, walaupun negara sedang melalui kemajuan yang memberangsangkan dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), masih terdapat ruang yang boleh diperbaiki terutamanya dalam mencapai matlamat kelima ini iaitu kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita.

Laporan Jurang Gender Global 2022 (Global Gender Gap Report 2022) telah meletakkan Malaysia di tangga ke-103 daripada 146 negara bagi aspek merapatkan kesaksamaan gender.

Selain dipengaruhi oleh kadar penyertaan tenaga buruh wanita yang rendah, kedudukan negara ini turut dipengaruhi oleh sasaran yang masih belum tercapai iaitu sasaran peratusan wanita berada dalam kelompok pembuat keputusan di semua peringkat kerajaan, sektor swasta, termasuk di syarikat berkaitan

kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GILC). Walaupun peratusan penjawat awam wanita yang berada di peringkat pembuat keputusan di peringkat kerajaan telah pun meningkat kepada 38.8 peratus, di sektor swasta secara umumnya masih ketinggalan.

Peranan Kerajaan

Hadirin yang saya muliakan,

7. Dalam isu kesaksamaan gender, Malaysia meratifikasi Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) pada 1995, dan menzahirkan komitmen dan solidariti bersama negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) untuk merealisasikan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030. Malaysia juga komited terhadap Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing (Beijing Platform for Action) untuk

memperkasakan dan melindungi keselamatan serta kepentingan wanita dan kanak-kanak.

8. Pelbagai inisiatif juga telah diperkenalkan dengan hasrat merapatkan jurang pencapaian antara gender. Antara inisiatif terbaharu yang telah dilaksanakan adalah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menguatkuasakan Akta Anti Gangguan Seksual 2022 bagi memastikan golongan wanita di negara ini terus diperkasa.
9. Di peringkat KPWKM, kami akan meneruskan usaha, program dan advokasi dengan kementerian dan agensi kerajaan berkaitan bagi memastikan setiap dasar, perundangan, program dan bajet kerajaan tidak mempunyai unsur diskriminasi ke atas wanita.

Penutup

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak LPPKN, Jabatan Perangkaan Malaysia, UNFPA dan Universiti Malaya dalam menjayakan forum pada hari ini. Diharapkan segala pembentangan dan cadangan yang dikemukakan akan dijadikan input kepada semua pihak berkepentingan dalam perancangan pembangunan negara.

11. Dengan ini, saya dengan segala sukacitanya merasmikan forum **“Mengorak Kuasa Kesaksamaan Gender: Memperkasa Suara Wanita Dan Kanak-Kanak Perempuan Bagi Membuka Peluang Dunia Tanpa Batas”**.

Sekian, terima kasih.